

Raja Dadah sentiasa dalam perhatian

18 Disember 2017

Raja Dadah sentiasa dalam perhatian

Bangkok: Dalam usaha memerangi dadah yang tidak berkesudahan di Thailand nama Lt Kol Yi Sae sentiasa berada dalam perhatian pegawai penguat kuasa antidadah di negara itu yang menawarkan hadiah 5 juta Baht (RM632,000) bagi penangkapannya.

Yi Sae atau Chaiwat Pornsakulpaisarn digelar Raja Dadah Methamphetamine oleh pihak berkuasa kerana dikatakan mendalangi kebanyakan dadah sintetik yang seludup ke Thailand untuk dieksport ke negara lain di rantau ini dan kawasan lain di dunia.

"Dia adalah antara orang yang paling dikehendaki di Thailand. Dia

adalah Raja Dadah Methamphetamine kerana menyeludup sejumlah besar dadah ke Thailand terlebih dahulu sebelum dibawa ke Malaysia dan negara lain bergantung kepada laluau dadah," kata Ketua Biro Anti Dadah (NSB) Lt Jen Sommai Kingvisaisuk kepada Bernama di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, menangkap raja dadah yang paling dikehendaki itu bukan mudah kerana lelaki itu yang dipercayai berumur sekitar 60-an tinggal di selatan negeri Wae, wilayah autonomi terletak dengan negeri Shah di Myanmar.

Kerajaan pusat mempunyai kuasa yang terbatas ke atas hal ehwal di negeri

Wae, yang mengisytiharkan sebagai wilayah autonomi, terletak di tengah-tengah kawasan Tiga Segi Emas untuk muncul sebagai satu daripada wilayah paling produktif mengeluarkan dadah di Myanmar.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tiga Segi Emas yang bersempadan Myanmar, Laos dan Thailand kini menjadi pengeluar dadah sintetik terbesar di dunia dan pada masa sama mengekalkan kedudukan sebagai satu daripada pengeluar terbesar heroin.

Dari pangkalannya di selatan Negeri Wa yang bersempadan dengan daerah Mae Fah Luang di Chiang Rai, Thailand, Yi

Sae menggunakan sempadan pergunungan dan kawasan berliku-liku yang memisahkan kedua-dua negara untuk menyeludup masuk sejumlah besar dadah sebelum dadah itu di-transit ke wilayah lain di rantau itu.

Menurut Sommai, Yi Sae, seorang etnik Lahu yang dipercayai mempunyai dua kewarganegaraan Myanmar-Thailand, juga adalah pemimpin militia dan mengetuai satu kumpulan bersenjata yang yang kuat dan ini menyebabkan apa-apa usaha untuk membawanya ke muka pengadilan sama ada di Myanmar atau Thailand, terlalu berisiko dan hampir mustahil. —BERNAMA